

Gagal lepasi had kelayakan ke Sukan SEA 2013

Adi belum puas hati

Oleh SHAHRI NIZAM ABDULLAH
shahril.abdullah@kosmo.com.my

JAGUH jontar peluru negara, Adi Alifuddin Husin masih belum berpuas hati dengan prestasinya pada Kejohanan Olahraga Grand Prix (GP) Malaysia setelah gagal melepas had kelayakan ke Sukan SEA 2013 Myanmar, Disember depan.

Adi yang mencatat rekod kebangsaan, 17.53 meter (Sukan SEA 2011 di Indonesia), muncul juara acara tersebut dengan balingan sejauh 16.14m pada kejohanan yang berlangsung di Stadium Mini Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil itu, Sabtu lalu.

Atlet kelahiran Terengganu tersebut perlu sekurang-kurangnya menyamai catatan rekod kebangsaannya itu sekiranya berhajat untuk beraksi di Myanmar penghuj-

jung tahun ini.

“Biarpun masih belum pulih sepenuhnya daripada kecederaan bahu kanan yang dialaminya pada 2011, penuntut jurusan ijazah dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu tetap optimis dia mampu melakukannya dalam beberapa lagi kejohanan GP akan datang.

“Balingan saya kali ini masih belum memuaskan kerana ini adalah kejohanan kedua saya selepas baru pulang daripada Terbuka Austria awal tahun ini,” kata Adi.

“Memang kalau boleh saya mahu melepasinya (had kelayakan Sukan SEA) pada GP Malaysia ini, namun nampaknya keadaan tidak begitu mengizinkan.

“Kecederaan pada bahu kanan saya masih belum pulih sepenuhnya dan saya masih berasa sedikit ke-

sakitan ketika membuat balingan.

“Bagaimanapun, saya rasa saya mampu melepas had kelayakan ini, cuma mungkin memerlukan sedikit masa sahaja,” jelasnya yang turut layak beraksi ke Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2013 di Kazan, Rusia pada 6 hingga 17 Julai depan.

Adi cedera di bahu kanan sebelum menyertai temasya Sukan SEA di Indonesia dua tahun lepas dan walaupun hanya berlatih selama sebulan, atlet berusia 25 tahun itu masih berjaya menyumbang pingat perak buat kontinjen Malaysia.

Dia yang mencatat hatrik dengan memenangi pingat emas Sukan Universiti Asia (AUG) itu juga

ADI gagal melepas had kelayakan ke Sukan SEA 2013.



berazam untuk melakukan kejutan pada Universiade, Julai depan meskipun mengakui saingan dalam kejohanan peringkat besar itu amat sukar.

“Saya rasa peluang memenangi pingat amat sukar pada Universiade kerana saingan daripada atlet-atlet negara lain semuanya hebat-hebat belaka.

“Bagaimanapun, saya akan cuba

yang terbaik untuk melakukan kejutan sebab bagi saya tahap kompetitif di Universiade juga lebih kurang sama dengan temasya Olimpik.

“Apa pun, saya anggap ia satu cabaran buat saya dan paling penting, saya perlu lebih berhati-hati apabila beraksi supaya kecederaan di bahu saya tidak berulang lagi,” ujarinya lagi.